

Jenis - jenis Dentur



Dentur Krom-Kobalt



Dentur penuh (Gigi atas)



Dentur separa (Gigi atas)

Dapatkan Pemeriksaan

Dentur boleh menjadi longgar apabila sudah lama memakainya. Ini disebabkan oleh perubahan yang berlaku di dalam mulut anda seperti proses pengunyahan makanan dan tabiat mengisar gigi. Anda digalakkan mendapat pemeriksaan dentur sekurang - kurangnya 2 kali setahun untuk menentukan ia dalam keadaan berfungsi dan selesa untuk dipakai. Sekiranya dentur anda longgar atau patah, ia boleh diperbaiki di Klinik Pergigian yang terdekat. Kosnya adalah lebih murah daripada anda membuat dentur yang baru.



***Mendapat pemeriksaan
pergigian serta khidmat nasihat
apabila perlu.***

Penjagaan Dentur



UNIT PENGGALAKAN KESIHATAN PERGIGIAN
BAHAGIAN KESIHATAN PERGIGIAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MOH / K / GIG / 8.99 (PT)

Apa itu Dentur?

Kebersihan mulut perlu dijaga agar gigi dapat dikekalkan seumur hidup. Kehilangan gigi kekal boleh diganti dengan memakai **dentur** atau lebih dikenali sebagai **gigi palsu**.

Kehilangan gigi kekal berlaku disebabkan oleh:

- * **Karies gigi (gigi berlubang)** yang tidak dapat dirawat.
- * **Gigi patah akibat kemalangan**
- * **Penyakit gusi akibat pengabaian penjagaan kebersihan mulut.**

Keistimewaan Dentur

Dentur dibuat sesuai dengan mulut anda oleh para Doktor Pergigian. Memakai dentur memang tidak selesa jika dibandingkan dengan gigi asli tetapi dentur dapat membantu mengekalkan semula fungsi gigi iaitu :-

- * **mengunyah makanan**
- * **bertutur dengan jelas**
- * **senyuman yang menawan**

Dentur dapat mengekalkan paras rupa



Dentur dipakai untuk membantu proses pengunyah makanan



Rehatkan Gusi Anda

Tanggalkan dentur anda ketika tidur di waktu malam untuk merehatkan gusi. Rendamkan dentur ke dalam bekas plastik yang mengandungi air untuk mengelakkan dentur menjadi kering dan rosak.



Jaga Kebersihan Dentur

Kebersihan dentur perlu dijaga. Dentur perlu dibersihkan kerana makanan mudah melekat pada permukaan dentur menyebabkan mulut serta dentur berbau.

Pembersihan Dentur

Terdapat 2 cara terbaik untuk membersihkan dentur :-

1. **Memberus**
2. **Merendam**



* **Memberus dentur**

Beruslah dentur anda sehingga bersih dengan menggunakan berus dan ubat gigi atau sabun

* **Merendam dentur**

Selepas memberus dentur anda dikehendaki merendamkannya ke dalam satu bekas plastik yang mengandungi air dan sedikit cecair pencuci atau sabun. Cara ini dapat membantu mengeluarkan sisa-sisa makanan dan plak gigi serta membersihkannya dari kuman. Anda mestilah mengamalkan kedua-dua cara tersebut iaitu dengan cara **memberus dan merendam** untuk menjamin kebersihan dentur

Memberus dentur →



← Merendam dentur